AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PERKARA AKADEMIK PRASISWAZAH)(PINDAAN) 2016

Suatu Kaedah-Kaedah bagi meminda Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014.

PADA MENJALANKAN kuasa yang diberikan oleh seksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia membuat Kaedah-Kaedah yang berikut:

Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat kuasa

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) (Pindaan) 2016 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain–

"Kaedah-Kaedah Ibu" ertinya Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014.

Pindaan Kepada Kaedah-Kaedah Ibu

3. Kaedah-Kaedah Ibu dipinda seperti berikut:-

(a) menggantikan keseluruhan perenggan mengenai "kursus setara" dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Ibu dengan perenggan berikut:-

""kursus setara" ertinya sesuatu kursus pengajian yang dikenal pasti oleh Fakulti sebagai sama taraf dengan sesuatu kursus pengajian lain dengan mengambil kira kursus pengajian itu mempunyai persamaan kandungan dan jam pengajaran dengan sesuatu kursus pengajian lain itu mengikut peratusan persamaan yang ditetapkan oleh Agensi yang ditanggungkan dengan tanggungjawab jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi Malaysia, dan Kementerian yang ditanggungkan dengan tanggungjawab pendidikan tinggi Malaysia, seperti diputuskan Senat, dari semasa ke semasa";

(b) memasukkan selepas Kaedah 51 Kaedah Ibu, Kaedah 51A seperti berikut:-

"Pengendalian Kursus Kemahiran Universiti oleh Entiti Lain Universiti

51A (1) Senat boleh, dari semasa ke semasa, mengarahkan mana-mana entiti lain dalam Universiti, selain entiti akademik utama Universiti, untuk mengendalikan atau menguruskan apa-apa kursus kemahiran bagi memperkasakan kecekapan dan kemahiran pelajar.

(2) Peruntukan Bahagian E,F,G,H dan J dalam Kaedah-Kaedah ini, hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi arahan Senat di bawah subkaedah 51A(1)."

(c) memasukkan selepas subkaedah 60(2) Kaedah-Kaedah Ibu, subkaedah (3) seperti berikut:-

"(3) Senat boleh dari semasa ke semasa meminda Jadual Keenam."

(d) menggantikan ungkapan "...dalam kaedah 19 dan 59 Kaedah-Kaedah ini," dengan ungkapan "...dalam kaedah 19 dan 58 Kaedah-Kaedah ini," dalam Kaedah 76 Kaedah-Kaedah Ibu.

(e) menggantikan ungkapan "...Pejabat Bursar" dengan ungkapan "...Pejabat yang ditanggungkan dengan tanggungjawab kewangan Universiti" dalam subkaedah 79(1) Kaedah-Kaedah Ibu.

(f) dalam teks Bahasa Kebangsaan, menggantikan ungkapan "(Kaedah 61 dan 62(k))" dalam tajuk dalam Jadual Keenam Kaedah-Kaedah Ibu, dengan ungkapan "(Kaedah 60 dan 61*(k)*)".

Dibuat 16 Ogos 2016
[Minit Mesyuarat LPU 114/09]
[UPM/PPUU/100-1/3/6/PerkaraAkademik;UPM/100/9/3]

ACADEMICIAN PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia